



TEKS UCAPAN

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL BAKAT
SUKAN LABUAN 2019**

16 NOVEMBER 2019 (SABTU)

**ARENA BOLING PADANG
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang saya hormati,

1. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah s.w.t dengan limpah kurniaNYA dan izinNYA dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu pada petang ini untuk menjayakan Majlis Perasmian Karnival Bakat Sukan Labuan Tahun 2019.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur khususnya Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan persatuan-persatuan sukan yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan Karnival Bakat Sukan di Labuan

ini. Tahniah juga diucapkan kepada barisan anak-anak muda di hadapan saya ini kerana menunjukkan minat yang tinggi dalam bidang sukan untuk kekal aktif dan cergas.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Seperti mana sedia maklum, Karnival Bakat Sukan Labuan ini merupakan julung kali dianjurkan selaras dengan Pelan Strategik Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) tahun 2019-2023 yang komited untuk merencanakan pembangunan sukan di semua wilayah termasuk Labuan.
4. Penganjuran karnival bakat ini bertujuan memberi peluang kepada anak muda Labuan khususnya yang berumur 16 tahun ke bawah untuk didedahkan dengan kejohanan yang kompetitif dan berbentuk karnival.

5. Selain itu, penganjuran karnival bakat seperti ini juga boleh menjadi platform untuk mencungkil dan mengenal pasti bakat-bakat baharu dari Labuan yang berpotensi mewakili Wilayah Persekutuan khususnya ke temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Johor pada Julai kelak. Penganjuran Karnival Bakat ini seperti ini perlu diteruskan dan dilaksanakan secara sistematik supaya impaknya nanti dapat dikecapi seterusnya melahirkan para atlet yang hebat.

6. Saya dimaklumkan karnival bakat kali ini akan memberi tumpuan kepada enam acara sukan. Sukan-sukan terpilih ini akan turut dipertandingkan di SUKMA 2020 iaitu Boling Padang, Bola Tampar Pantai, Olahraga, Petanque, Badminton dan *E-Sport*. Diharap penyertaan anak muda Labuan ini akan membuktikan Wilayah Persekutuan tidak

ketandusan bakat dan potensi untuk diketengahkan kepada peringkat lebih tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Program pembangunan yang diberi nama Bakat Sukan Wilayah (BSW) yang dilancarkan pada Mac 2019 yang lalu memberi gambaran jelas bahawa perancangan di peringkat akar umbi adalah penting bagi memastikan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan sentiasa ke hadapan.

8. Justeru itu, persatuan-persatuan sukan khususnya di Labuan ini diseru agar menyokong dan membantu usaha Majlis Sukan Wilayah Persekutuan memperkasa program bakat di Wilayah Persekutuan khususnya di Labuan. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Majlis Sukan

Wilayah Persekutuan akan sentiasa membantu dan menyokong Persatuan Sukan untuk terus berkembang.

9. Tidak dinafikan, peralatan dan kemudahan yang lengkap perlu disediakan bagi memastikan atlet di sini dapat berlatih dengan lebih baik dan sempurna. Oleh itu, seperti yang dijanjikan pada Karnival Sukan Parlimen yang lalu, pada hari ini saya dengan sukacitanya mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 ribu akan diberikan kepada persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan bagi menggantikan serta menambah peralatan baharu bagi sukan masing-masing.
10. Diharap dengan bantuan ini dapat memberi suntikan semangat kepada persatuan sukan untuk bergerak lebih aktif dalam mencungkil lebih ramai bakat baharu yang berpotensi

menyumbang kejayaan besar kepada Wilayah Persekutuan.

Hadirin sekalian,

11. Saya dimaklumkan, penganjuran Karnival Bakat Sukan ini dilaksanakan dengan kerjasama MSWP, Perbadanan Labuan, Jabatan Belia dan Sukan Labuan, Jabatan Pendidikan Labuan, Persatuan Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) setempat. Kerjasama strategik seperti ini perlu terus dipertingkatkan agar pembangunan sukan di Labuan sentiasa dirancakkan.
12. Saya percaya karnival bakat sukan ini mampu melahirkan bakat-bakat besar dalam bidang sukan suatu hari nanti. Saya difahamkan ada atlet Lawn Bowl yang bermula mengenali sukan Lawn Bowl dari gelanggang ini telah

terpilih mewakili Malaysia dalam Sukan Sea di Filipina Disember ini. Jadi tidak hairanlah selepas ini, akan lebih ramai lagi atlet-atlet Negara yang berasal dari Labuan.

13. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui MSWP akan terus memberikan sokongan dan bantuan kepada atlet-atlet tanpa mengira wilayah. Ianya sentiasa dipertimbangkan secara merit. Sebagai contoh, pasukan Lawn Bowl Labuan telah menyertai Kejohanan Lawn Bowl Terbuka Jepun pada Oktober baru-baru ini melalui program *Golden Sports Collaborations* (GSC).
14. Selain itu, MSWP telah turut membantu secara konsisten pasukan ragbi wanita Labuan melalui pelbagai inisiatif seperti bantuan makanan tambahan, bantuan penyertaan kejohanan dan bantuan operasi gimnasium yang telah mula mempamerkan hasilnya.

Baru-baru ini, saya difahamkan pasukan ragbi wanita Labuan ini telah menjuarai Kejohanan Ragbi 7 sebelah wanita bawah 20 tahun kebangsaan pada September baru-baru ini. Tahniah diucapkan.

15. Usaha- usaha seperti ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan persediaan atlet Wilayah Persekutuan khususnya ke SUKMA Johor 2020 nanti membuahakan hasil yang memberangsangkan sekali gus menjadikan Kontinjen Wilayah Persekutuan sebagai Juara keseluruhan.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Penganjuran Karnival Bakat Sukan ini merupakan aktiviti serampang dua mata. Selain memberi ruang dan peluang kepada

atlet-atlet bakat di Labuan ini kepada pertandingan kompetitif, aktiviti sukan seperti ini diyakini mampu meningkatkan budaya bersukan di kalangan warga Labuan. Ini indeks yang perlu kita sama-sama tingkatkan agar aspirasi Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Negara Bersukan akan tercapai.

17. Akhir kata, kepada barisan atlet yang bertanding, inilah masanya anda memberikan tumpuan penuh untuk membuktikan kebolehan masing-masing dan gunakan kesempatan yang ada bagi mengukur keupayaan diri. Diharapkan semua atlet dapat mempamerkan semangat kesukanan dan daya juang yang tinggi sepanjang karnival bakat sukan labuan 2019 ini diadakan.

18. Dengan ini, saya merasmikan “Majlis Pelancaran Karnival Bakat Sukan Labuan 2019.”

19. Saya akhiri ucapan dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.